



Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2 (75)
Tarikh : 15 Januari 2024
03 Rejab 1445H

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Ketua Pendaftar
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Penolong Pendaftar


Yang Arif/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2024
PENETAPAN OBJEKTIF KUALITI MS ISO 9001:2015
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ Tuan/ Puan kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan *Key Performance Indicator* (KPI) Bil. 1 Tahun 2024 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang pada 12 Januari 2024 telah bersetuju dan memutuskan untuk mengguna pakai Objektif Kualiti MS ISO 9001:2015 adalah seperti di Lampiran A.

2. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bilangan 4 Tahun 2015 berkaitan Pindaan Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang adalah dibatalkan.

Arahan ini berkuat kuasa mulai **15 Januari 2024**.


(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



LAMPIRAN A

OBJEKTIF KUALITI MS ISO 9001:2015 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

OBJEKTIF PERTAMA 100% sebutan kes saman, permohonan mal dan faraid dibuat dalam masa 21 hari selepas didaftarkan.
OBJEKTIF KEDUA 85% penetapan tarikh sebutan/bicara kes jenayah tidak lebih daripada 21 hari atau berdasarkan tarikh dinyatakan di dalam Bon Jamin bagi kesalahan boleh tangkap.
OBJEKTIF KETIGA 100% pengeluaran Perintah Mal/ Jenayah dalam masa 14 hari bekerja selepas keputusan/ hukuman dibuat.
OBJEKTIF KEEMPAT 100% pengeluaran Perintah Faraid dalam masa 5 hari bekerja selepas pengiraan dan keputusan dibuat.
OBJEKTIF KELIMA 70% penyelesaian kes mal, jenayah dan faraid yang didaftarkan dalam tahun semasa.
OBJEKTIF KEENAM 100% sebutan pertama pengurusan kes rayuan di hadapan Pendaftar dalam masa 30 hari selepas rekod rayuan diterima daripada Perayu / Peguam Syarie/ Mahkamah yang keputusannya dirayu.
OBJEKTIF KETUJUH 100% siasatan dan tindakan sewajarnya ke atas aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan.

OBJEKTIF KELAPAN

65% penyelesaian kes sulh dengan status berjaya dalam tahun semasa.

OBJEKTIF KESEMBILAN

90% kes Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan, Bahagian Sokongan Keluarga diselesaikan dalam tempoh 90 hari dari tarikh pendaftaran.

OBJEKTIF KESEPULUH

70% penyelesaian kes tertunggak yang dikendalikan oleh Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah, Bahagian Sokongan Keluarga.

OBJEKTIF KESEBELAS

30% penyelesaian kes yang dikendalikan oleh Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah, Bahagian Sokongan Keluarga pada tahun semasa.

OBJEKTIF KEDUA BELAS

100% pembayaran baucar yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari dari tarikh baucar bayaran diterima.

OBJEKTIF KETIGA BELAS

80% penyelenggaraan aset dan bangunan dilaksanakan secara berkala atau mengikut keperluan.

OBJEKTIF KEEMPAT BELAS

100% kakitangan menghadiri latihan 5 hari setahun.